

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN

BILANGAN 4 TAHUN 2024


PELAKSANAAN PEMBERIAN PENGURANGAN TUNGGAKAN DENDA CUKAI TANAH DI BAWAH KAEDAH-KAEDAH TANAH KELANTAN 1966

Arahan ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan mengenai penetapan bagi pengurangan tunggakan denda cukai tanah Negeri Kelantan tahun 2024.

2. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dalam Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) bagi Tempoh Penggal Kedua Dewan Negeri Kelantan Yang Ke-15 Tahun 2024 pada 21 November 2024 telah mengumumkan pemberian diskaun sebanyak 90% ke atas tunggakan denda cukai tanah kepada seluruh rakyat negeri Kelantan.
3. Tempoh tawaran diskaun ini akan dapat dinikmati oleh rakyat Kelantan bagi tempoh satu (1) bulan bermula 1 Disember 2024 hingga 30 Disember 2024 tertakluk kepada kaedah bayaran sebagaimana Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2024.
4. Panduan pemberian pengurangan ini adalah seperti berikut:
 - i) Bayaran tunggakan denda lewat cukai tanah yang diperuntukkan di bawah Kaedah 17, Kaedah-Kaedah Tanah Kelantan 1966 (KKTK 1966) hendaklah diberikan pengurangan sebanyak 90%.
 - ii) Hanya tunggakan denda sahaja yang akan dikurangkan sebanyak 90%. Bayaran lain seperti cukai tanah semasa, tunggakan cukai tanah dan denda semasa selepas 30 Jun perlu dijelaskan seperti biasa.

- iii) Cukai tanah semasa, cukai tanah tertunggak, tunggakan denda (selepas dikurangkan sebanyak 90%), denda semasa dan lain-lain bayaran yang berkenaan hendaklah dijelaskan sepenuhnya.
- iv) Permohonan ini terbuka kepada semua pemilik tanah yang mempunyai tunggakan cukai tanah tanpa mengambil kira jumlah tunggakan denda.
- v) Kelulusan ini tidak terpakai ke atas mana-mana hakmilik yang telah dikeluarkan Notis 6A sama ada telah mempunyai endorsan Notis Borang 6A di dalam Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) atau tidak. Pentadbir Tanah hendaklah memastikan semakan ke atas hakmilik pada SPTB dibuat terlebih dahulu sebelum memproses permohonan.
- vi) Permohonan pengurangan hanya boleh dilakukan di Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan **ATAU** di Pejabat Tanah dan Jajahan di mana hakmilik itu didaftarkan.
- vii) Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan borang permohonan pengurangan tunggakan denda seperti di **Lampiran A** beserta bayaran memfail sebanyak RM 10.00.
- viii) Tiada permohonan boleh diterima dan difailkan oleh Pentadbir Tanah sekiranya perkara-perkara di atas tidak dipenuhi.
- ix) Pentadbir Tanah seterusnya hendaklah menghantar senarai permohonan yang lengkap ke Bahagian Hasil, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Kelantan untuk tindakan selanjutnya selepas tamat tempoh tawaran pengurangan 90% sebagaimana **Lampiran B**.
- x) Tawaran pengurangan tunggakan denda sebanyak 90% ini hanya berkuatkuasa bermula pada 1 Disember 2024 sehingga 30 Disember 2024 sahaja. Sekiranya pemilik tanah tidak menjelaskan permohonan pengurangan dalam tempoh tersebut, permohonan pengurangan tunggakan denda dianggap terbatal dan pengiraan semula berdasarkan Arahan PTG Bilangan 1 Tahun 2011 perlu dibuat.

- xi) Tertakluk kepada tarikh akhir bayaran bagi penutupan akaun tahun kewangan 2024 sebagaimana Surat Pekeliling Perbendaharaan Negeri Kelantan Bilangan 1 Tahun 2024.
5. Pentadbir-Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan hendaklah menghebahkan tawaran pengurangan ini kepada orang ramai sebagai usaha untuk menggalakkan pemilik tanah menjelaskan bayaran denda pentadbiran tanah yang tertunggak.
6. Tarikh kuatkuasa Arahan ini adalah bermula pada **1 hingga 30 Disember 2024**



DATO' ROSNAZLI BIN HAJI AMIN, *S.P.S.K., P.M.K(Kelantan)*
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

1. YAB. Ustaz Dato' Panglima Perang Menteri Besar Kelantan;
2. YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan;
3. YB. Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Kelantan;
4. YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan;
5. YBM. Tengku Kaya Perkasa Pegawai Kewangan Negeri Kelantan;
6. YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan;
7. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha, Majlis Mesyuarat Kerajaan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU KELANTAN

FAIL : PTG.KN.32/69 JILID 5 (9)
BERTARIKH : 24 NOVEMBER 2024